

BAB 5

PENUTUP

5.1 PENDAHULUAN

Sebagai mengakhiri penulisan ini, penulis akan memuatkan dalam bab ini beberapa rumusan dan juga cadangan. Pengetahuan tentang kepelbagaian binaan ayat dan membentuk laras ayat memerlukan kepada kemahiran dan kefahaman yang mendalam tentang satu-satu tajuk atau bab yang terdapat dalam kebanyakan kitab dan nukilan ulama' nahu yang terdahulu dan sekarang. Perbincangan dan perbahasan tentang selok-belok ilmu ini yang tidak pernah selesai telah mematangkan ilmu itu sendiri dan ia semakin menyerlahkan kemukjizatan al-Quran sebagai wahyu agung dari Allah s.w.t.

Gaya bahasa penafian merupakan satu tajuk kecil yang penting tetapi kebanyakan ahli nahu tidak meletakkannya dalam satu perbincangan khusus. Ia hanya dibincangkan dalam sub-sub tajuk jika berkaitan sahaja. Namun saya melihat tajuk penggunaan gaya bahasa penafian di samping gaya bahasa yang lain adalah sama penting kerana selain ayat tanpa penafian (مثبت) maka yang lainnya ayat penafian (منفي). Kedua-duanya berlawanan.

Walaupun penulisan ini hanya sekelumit sahaja namun diharapkan akan dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu Islam masyarakat Melayu yang masih kurang diterokai untuk memberikan kefahaman yang jelas dan mempermudah pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu yang ingin mendalami bahasa Arab.

5.2 RUMUSAN

Penerokaan dalam bidang sintaksis bahasa Arab bukanlah perkara baru malah ia telah berkembang pesat hasil dari kesedaran para sahabat dan ulama' terdahulu yang menggariskan panduan, peraturan dan kaedah yang khusus agar pemahaman terhadap nas al-Quran tidak terpesong.

Perkembangan ilmu ini tidak akan berakhir selagi bahasa itu tidak luput dan pupus, sesuai dengan jaminan Allah bahawa al-Quran itu akan tetap dipelihara sehingga ke hari kiamat. Cabaran-cabaran dan tohmahan-tohmahan untuk memperkecil-kecilkan bahasa Arab saban hari sedikit sebanyak telah dapat dipatahkan dengan adanya kajian-kajian yang seperti ini.

Aspek ketulenan gaya bahasa al-Quran telah mengangkat martabat bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengantaraan dunia Islam. Penghayatan ilmu agama akan lebih dirasai dan diselami jika ia dibaca dalam bahasa yang asal. Kesyumulan al-Quran dari pelbagai aspek yang melibatkan ketauhidan, peribadatan, pergaulan, hukum-hakam, akhlak, nasihat dan sebagainya telah disampaikan dalam bentuk ayat yang terkandung di dalamnya pelbagai persoalan yang sebahagiannya daripadanya masih belum diterokai.

Penulis merasa terpanggil untuk cuba menerokai keindahan dan kesenian bahasa Quran dari aspek sintaksisnya. Sesuatu yang pada kebanyakan orang menganggapnya enteng dan mudah tetapi kadangkala ia sebenarnya mempunyai peranan yang besar dan penting untuk dibicarakan, diperbahaskan mahupun diperdebatkan. Dari itu penulis melihat penggunaan gaya bahasa penafian tidak boleh dikesampingkan begitu sahaja kerana penggunaannya juga mempunyai motif dan objektif yang tertentu. Jika tidak, gaya bahasa seperti ini tidak pernah wujud.

Untuk memahami penggunaan gaya bahasa penafian perlulah dilihat dari sudut penggunaan partikel yang betul dan tepat apabila ia mendepani sesuatu jenis perkataan dan jenis ayat. Setiap satu daripada partikel nafi mempunyai fungsi dan maknanya yang tersendiri. Ketepatan penggunaan sesuatu partikel nafi dalam ayat bergantung pada kemahiran dan kefahaman seseorang tentang ilmu sintaksis bahasa Arab.

Penggunaan partikel nafi dalam ayat boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian yang mendepani ayat nominal dan bahagian yang mendepani ayat verbal. Jika kita sudah mengenal dengan kedua-dua jenis ayat ini, ia akan memudahkan kita memilih partikel yang bersesuaian dari sudut fungsi dan makna sebagaimana maksud dan tujuan yang difikirkan dan dikehendaki.

Perlu diingat juga tentang perubahan pola perkataan dari sudut fleksi jika sesuatu partikel nafi digunakan sama ada ia tidak berfungsi ataupun berfungsi seperti *ليس* atau *إن* jika mendepani ayat nominal. Jika partikel digunakan mendepani ayat verbal maka fungsi pengubah kasus sama ada akusatif ataupun *majzu:m* perlu diberi perhatian.

Walaupun terdapat banyak instrumen nafi dalam bahasa Arab yang terdiri dari kata kerja, kata nama dan partikel namun ia tidaklah susah untuk menggunakannya sebagaimana yang disangka. Perbincangan dalam tesis ini telah memperincikan perbezaan dan penggunaannya dari sudut makna dan fungsi. Jika diteliti, daripada partikel nafi ini sendiri ada yang berfungsi sebagai kata kerja nafi dan kata nama nafi.

Partikel *لا* merupakan asal partikel nafi tidak seperti partikel nafi yang lain. Partikel *لا* digunakan dengan fungsi kata nama bermakna (*غير*) dan kata kerja bermakna (*ليس*). Ia digunakan mendepani ayat nominal dan ayat verbal. Penafian oleh partikel *لا* mendepani

ayat nominal ke atas kata nama indifinit merupakan penafian mutlak. Ia juga menafikan ayat verbal dengan menafikan kejadian kala kini/depan dan kala kini/depan. Dengan keaslian partikel nafi ini ia tidak memberikan kesan perubahan kasus terhadap kata nama ataupun kata kerja selepasnya kecuali jika ia digunakan dengan fungsi dan makna yang lain.

Untuk menafikan kepelbagaian ragam ayat, seseorang pelajar itu perlu ada kemahiran dalam memilih partikel nafi yang sesuai dan bertepatan dengan kaedah nahu bahasa Arab. Satu kaedah asas yang mudah sebagai formula dapat disimpulkan seperti dalam jadual di bawah ini :

Partikel	Jenis K>Nama	Kasus		Fungsi	Makna	Jenis K.Kerja	Kasus K.Kerja	Fungsi	Makna
		Objek	Predikat						
لا	indifinit	nominatif	nominatif	-	tidak	kala kini/depan	nominatif	-	tidak
	indifinit	nominatif	akusatif	ليس	bukan				
	indifinit	akusatif mabniy	nominatif	لا النافية للجنس	tiadalah				
ما	difinit	nominatif	nominatif	-	tidak	kala lepas	mabniy	-	tidak
	difinit	nominatif	akusatif	ليس	bukan				
إن	difinit	nominatif	akusatif	ليس	tidaklah	-	-	-	-
لات	indifinit waktu	nominatif	akusatif	ليس	tidaklah	-	-	-	-
لم	-	-	-	-	-	kala kini/depan	jazm	jazm	telah tidak
لما	-	-	-	-	-	kala kini/depan	jazm	jazm	belum
لن	-	-	-	-	-	kala kini/depan	akusatif	akusatif	tidak akan

Jadual 17

Berdasarkan kepada analisis surah al-An'a:m, penulis mendapati bahawa penggunaan partikel لا mendominasi satu perdua penggunaan daripada keseluruhan ayat penafian yang ditemui. Penggunaan partikel لا lebih popular berbanding partikel nafi yang lain. Partikel ini lebih kerap digunakan mendepani kata nama berbanding kata kerja serta digunakan dalam keadaan tidak berfungsi.

Partikel ما menduduki tempat kedua selepas partikel لا. Ia lebih kerap digunakan untuk menafikan kata kerja sama ada kata kerja kala lampau mahupun kata kerja kala kini/depan. Penggunaan ما dalam menafikan kedua-dua jenis kata kerja ini hampir seimbang walaupun ia biasa digunakan untuk penafian kala lampau. Penggunaan partikel ما mendepani kata kerja kala kini/depan yang berlaku adalah disebabkan oleh bentuk dan tujuan ayat yang dibina.

Bagi tujuan penafian kala kini/depan untuk maksud kala lampau, partikel لم lebih kerap digunakan berbanding لما. Penggunaan partikel ini lebih menunjukkan penegasan dalam penafian kata kerja kala kini/depan berbanding partikel لا. Dari sudut maksud penggunaan ما mendepani kata kerja kala lampau dan penggunaan لم mendepani kata kerja kala kini/depan lebih kurang serupa namun penggunaan partikel لم lebih menunjukkan ketegasan ditambah pula dengan bada bacaan *jazm* ke atas kata kerja di depannya.

Partikel إن tidak digunakan dalam bentuk kefungsiian kerana tidak memenuhi syarat-syarat kefungsiian. Penggunaan partikel ini dengan makna penafian selalunya disertakan partikel *istithna:*’ menunjukkan *al-ḥaṣr* ataupun *al-qasr* di dalam ayat yang sama.

Selebihnya, penggunaan partikel nafi لن yang hanya sekali sahaja digunakan dalam surah ini telah digunakan untuk penafian kala kini/depan dengan maksud penegasan. Sementara partikel لما dan لات tidak dijumpai dalam surah ini tetapi ia terdapat dalam surah yang lain. Ketiga-tiga partikel ini tidak banyak terdapat di dalam al-Quran dan amat jarang digunakan berbanding dengan partikel nafi yang telah disebutkan sebelum ini.

Sesuatu yang menarik apabila membahaskan tajuk ini, terdapat satu kata kunci partikel nafi yang terbentuk bahawa penafian adalah lahir dari dua huruf iaitu لام dan ألف .

5.3 CADANGAN

Sepanjang perbincangan penulis melalui kajian ini, penulis mendapati masih banyak lagi ruang kajian terhadap topik ini yang perlu diberi perhatian. Antaranya:

1. Kajian mendalam terhadap satu-satu partikel masih boleh di jalankan dari sudut fonologi, morfologi, semantik mahupun leksikal. Kajian ini merupakan kajian ke atas partikel yang dikira sebagai huruf penafian dari sudut sintaksis dengan huraian dari sudut fungsi dan maknanya. Oleh sebab ruang waktu dan ruang perbahasan yang terbatas, penulis mendapati masih banyak lagi ruang yang boleh dibahaskan dalam bidang ini termasuk memfokuskan perbahasan kepada satu-satu partikel sahaja.
2. Sepanjang kajian ini dijalankan, penulis mendapati bahawa dalam bahasa Arab terdapat banyak partikel nafi selain dan huruf nafi yang telah dibahaskan. Oleh kerana kajian ini hanya membataskan kepada huruf nafi sahaja, penulis mencadangkan agar satu kajian terhadap kata nama penafian serta kata kerja penafian dari pelbagai sudut.
3. Sebagai seorang guru bahasa Arab di sekolah menengah Kementerian Pelajaran, penulis mendapati pelajar masih kurang mahir memahami fungsi dan makna partikel. Untuk memahirkan pelajar ini, penulis mencadangkan agar satu kajian perbandingan (kontrastif) dijalankan terhadap penggunaan sesuatu partikel. Dengan

ini diharapkan setiap fungsi huruf dapat diperkenalkan dan diterjemahkan kepada pelajar dalam bentuk yang lebih mudah.

5.4 PENUTUP

Bermula daripada pemilihan tajuk sehingga kini/depan, melalui penulisan ini, penulis dengan sedayanya telah berusaha mempermudah dan memberikan kefahaman terhadap satu-satu topik perbahasan. Diharapkan semoga ia akan dapat memberikan kefahaman, sumbangan dan manfaat yang besar kepada masyarakat dan pembaca. Penulis juga mengharapkan akan ada lagi kajian-kajian lanjutan bagi memantapkan pengetahuan dan keilmuan dalam bidang ini. Justeru itu, segala usaha murni yang telah dijalankan ini akan menjadi pemangkin dan pemudahcara kepada pembaca untuk memahami dan mendalami ilmu sintaksis bahasa Arab ini. Semoga mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t.

